

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu
[Batu Gajah]

TARIKH : 28 Mac 2018

SOALAN : Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu
[Batu Gajah] minta **MENTERI
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS
TANI** menyatakan hasil pendapatan
negara daripada pengeksporan buah
durian ke negara lain pada tahun 2017.
Apakah tindakan pihak Kementerian
mengawal harga buah durian yang telah
naik secara mendadak di pasaran
tempatan kerana sebahagian besar
jumlahnya telah di eksport ke negara luar.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Jumlah pendapatan negara hasil daripada pengeksporan buah durian dalam bentuk *whole fruit*, *pulp* dan *paste* bagi tahun 2017 adalah RM70.68 juta. Dari segi kuantiti, eksport durian ke luar negara pada tahun 2017 adalah sebanyak 14,105.90 metrik tan. Antara destinasi utama eksport buah durian adalah Singapura, Hong Kong, United States dan China. Walaupun nilai eksport durian hanya 6% daripada jumlah keseluruhan pengeluaran negara, sumbangan eksport durian kepada negara masih signifikan. Bagi memastikan kelangsungan eksport, durian telah diumumkan sebagai salah satu komoditi dalam Bajet 2018 sebagai 'Sumber Kekayaan Baharu' negara, dengan peruntukan sebanyak RM9 juta bagi pembangunan industri durian.

Umumnya, harga jualan durian ditentukan oleh faktor pengeluaran dan permintaan buah dalam pasaran di samping ketidakstabilan perubahan cuaca global. Pada tahun 2017, faktor-faktor yang dinyatakan tersebut telah menyebabkan harga durian di pasaran meningkat khususnya durian premium iaitu Durian Musang king (D197). Walau bagaimanapun, harga varieti durian yang lain seperti durian D168, D24 dan durian

kampung masih lagi ditahap harga yang mampu dibeli oleh rakyat tempatan.

Walaupun begitu, dalam usaha untuk menstabil harga dan meningkatkan pengeluaran buah durian untuk memenuhi permintaan pasaran akan datang, Kementerian melalui Jabatan Pertanian Malaysia (DOA) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) telah melaksanakan program pemerksaan petani dalam kaedah pengendalian penanaman dan lepas tuai serta memperkembang dan memperluaskan kluster projek tanaman durian di bawah RMK11.

Dengan peningkatan lebih ramai petani yang mengusahakan tanaman durian berkualiti, diharap akan dapat meningkatkan bekalan dan seterusnya menstabilkan harga pasaran pada masa akan datang.